

# UMS-LKNS anjur Seminar Solidariti Etnik, memangkin usaha solidariti melalui budaya dan bahasa

UB 22.02.2023 P.06

KOTAKINABALU: Seminar Solidariti Etnik 2023 anjuran Institut Kajian Orang Asal Borneo (BorIIS) Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah (LKNS) mampu memangkin usaha kolektif dalam menggalakkan kelangsungan solidariti etnik melalui platform budaya dan bahasa.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kasim Hj. Mansor berkata, seminar tersebut dianjurkan bersempena dengan Hari Solidariti Insan Antarabangsa dan Hari Bahasa Ibunda Antarabangsa yang meraikan nilai-nilai kemanusiaan yang terdapat dalam “indigenous knowledge”.

“Masyarakat etnik itu sejak zaman nenek moyang lagi telah mengajar dan mewariskan nilai-nilai bersatu-padu, tolong-menolong, serta hormat-menghormati kepada generasi anak cucu.

“Nilai-nilai tersebut tersirat dalam bahasa etnik yang digunakan, dalam formasi tarian tradisional, dalam alunan melodi alat muzik tradisi, dan itu pun belum kita sentuh tentang cerita rakyat, pantun dan puisi tradisional yang penuh dengan nilai-nilai kemanusiaan.

“Tentunya perkongsian para ahli panel seminar akan menceritakan dengan lebih mendalam bagaimana perpaduan, keharmonian, dan nilai-nilai kemanusiaan itu ada dalam tradisi budaya serta



TERIMA KASIH: Asmady (kanan) menyampaikan cenderahati kepada Christina.

bahasa masyarakat etnik,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan sempena perasmian Seminar Solidariti Etnik 2023 sekali gus perayaan Hari Bahasa Ibunda Antarabangsa 2023 yang dirasmikan oleh Menteri Pelancongan, Kebudayaan Dan Alam Sekitar Sabah, Datuk Christina Liew di Jborneo Native Village, Lok Kawi, Penampang.

Teks ucapan Kasim dibacakan oleh wakil beliau, Dekan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Prof. Madya Dr. Asmady Idris.

Beliau turut merakamkan

penghargaan kepada Kementerian Pelancongan, Kebudayaan, dan Alam Sekitar serta agensi di bawahnya iaitu LKNS, persatuan etnik dan budaya, pertubuhan masyarakat sivil, institusi akademik, dan agensi negeri yang hadir ke seminar tersebut sekali gus menyatakan sambutan positif kepada objektif seminar.

“Penghargaan juga kepada kesemua ahli panel yang cukup berpengalaman serta arif dalam bidang masing-masing, kerana komitmen yang diberikan untuk bekerjasama dalam penyelidikan dengan universiti tempatan

telah memainkan peranan penting dalam menjayakan acara ini.

“Kita amat menyedari bahawa perbezaanlah yang menjadikan kita masyarakat etnik yang unik, dan keunikan ini terletak pada keupayaan masyarakat berbilang etnik untuk bekerjasama dan hidup dalam harmoni, walaupun dengan adanya kepelbagai-

an,” kata Kasim.  
Hadir sama Pengurus Besar LKNS, Mackey Apison; Pengarah BorIIS UMS, Prof. Madya Dr. Normah Abdul Latip; dan Pengarah Muzium Sabah, Arif Abd. Hamid.